



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok G-7, Blok 22, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## SUMBANGAN ZAKAT TERUS DISALURKAN UNTUK PROGRAM BAITI JANNATI @ WILAYAH PERSEKUTUAN

**KUALA LUMPUR, 10 Julai 2019** – YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad hari ini menyerahkan unit rumah PPR di bawah program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan kepada 60 orang penerima dari golongan miskin tegar dan orang kurang upaya di Kuala Lumpur yang diadakan di Kompleks Sukan Pantai Ecopark, Lembah Pantai. Salah seorang penerima, Puan Marsyila Zakaria, 32 yang merupakan penyewa di PPR Desa Tun Razak sejak tahun 2013 hidup bersama dengan tujuh orang anaknya dalam keadaan serba daif dan kekurangan.

Bagi pelaksanaan program Baiti Jannati ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sekali lagi bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kesemua penerima adalah dari komuniti Melayu Islam seperti Puan Marsyila memandangkan dana yang diterima merupakan sumbangan zakat TNB tahun 2018. Pastinya kedatangan Aidil Adha yang akan datang memberi sinar baharu dalam kehidupan kesemua penerima yang selama ini hidup dalam keadaan yang kurang berkemampuan. Pemberian rumah ini membolehkan pecahan pembayaran sewa bulanan digunakan bagi tujuan lain seperti pendidikan anak-anak dan perbelanjaan harian seisi keluarga.

Program yang telah bermula sejak 2016 hasil kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan-badan korporat telah membolehkan 155 buah keluarga mendapat manfaat dan mempunyai kediaman sendiri di ibu kota. Bagi tahun 2019, sebanyak 90 unit kediaman disasarkan untuk diberikan kepada para penerima yang berkeperluan di bawah Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan ini termasuk 60 unit kediaman yang diberikan pada hari ini.

Kerajaan Malaysia bahru sangat komited membantu golongan B40 dan M40 termasuk dengan penerima-penerima unit PPR hari ini dalam menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat. Selain program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan, Kementerian juga turut melaksanakan Program Kebajikan Wilayah Persekutuan secara holistik merangkumi semua peringkat usia dalam memastikan warga wilayah terus maju dan berdaya saing.

Selari dengan prinsip “**Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi**” Kementerian sentiasa komited untuk membuktikan bahawa golongan miskin bandar dan golongan miskin tegar

ini wajar dibantu dan tidak pernah diabaikan oleh pihak kerajaan dalam arus pembangunan yang pesat di Wilayah Persekutuan ini. Oleh itu, Kementerian menyeru lebih banyak badan-badan korporat lain tampil menyahut tanggungjawab berganding bahu sebagai rakan strategik Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan untuk membantu golongan kurang bernasib baik ini. Diharapkan melalui usaha ini, segala kemakmuran negara dapat dinikmati secara bersama oleh semua lapisan masyarakat dan mengekalkan keharmonian dalam bermasyarakat.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**